



LAPORAN SITUASI SEMASA MTL 2025/2026 #12

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

19 DISEMBER 2025

1

BENCANA MUSIM MONSUN TIMUR LAUT (MTL) 2025/2026 : SEKILAS DATA



6

NEGERI



14

DAERAH



98

PPS AKTIF



4,528

KELUARGA



14,066

MANGSA




3

KEMATIAN

* Data sehingga 18 Disember 2025 jam 11.59 malam & data kematian adalah kumulatif sejak 13 November 2025

PPS: Pusat Pemindahan Sementara





PERINCIAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	JENIS BENCANA	DAERAH	PPS AKTIF	KELUARGA	MANGSA	TREND
Pahang	Banjir 	Kuantan	43	3,430	10,229	Meningkat
		Maran	10	250	915	Tidak Berubah
		Pekan	10	294	901	Meningkat
		Rompin	8	133	429	Tidak Berubah
		Jerantut	2	7	24	Meningkat
		Lipis	1	2	5	Baharu
	Tanah Runtuh 	Cameron Highlands	1	6	22	Tidak Berubah
	JUMLAH		75	4,122	12,525	Meningkat
Terengganu	Banjir 	Kemaman	12	168	595	Menurun
		Dungun	2	72	256	Meningkat
		Hulu Terengganu	1	27	121	Meningkat
	Tanah Runtuh 	Kemaman	2	2	14	Tidak Berubah
	JUMLAH		17	269	986	Meningkat
Johor	Banjir 	Mersing	3	93	356	Tidak Berubah
	JUMLAH		3	93	356	Tidak Berubah
Kelantan	Banjir 	Gua Musang	1	35	148	Tidak Berubah
	JUMLAH		1	35	148	Tidak Berubah
Selangor	Tanah Runtuh 	Gombak	1	8	47	Tidak Berubah
	JUMLAH		1	8	47	Tidak Berubah
Sarawak	Tanah Runtuh 	Miri	1	1	4	Tidak Berubah
	JUMLAH		1	1	4	Tidak Berubah
JUMLAH KESELURUHAN			98	4,528	14,066	Meningkat

* Trend: Perbandingan dengan data 18 Disember 2025 jam 8.00 malam



SITUASI TERKINI

- Sehingga **18 Disember 2025, jam 11.59 malam**, terdapat **14 daerah** di **enam negeri** yang dilanda bencana dengan **peningkatan** jumlah mangsa kepada **14,066 mangsa dalam tempoh 24 jam** (berbanding **8,825 mangsa** pada **17 Disember 2025**). Ia melibatkan **4,528 keluarga** yang ditempatkan di **98 Pusat Pemindahan Sementara (PPS)**. Jumlah PPS yang dibuka juga **meningkat** berbanding **67 PPS** pada **17 Disember 2025**.
- Tiga daerah paling teruk terjejas** adalah **Kuantan, Pahang (10,229 mangsa), Maran, Pahang (915 mangsa)** dan **Pekan, Pahang (901 mangsa)**.
- Berdasarkan laporan Polis Diraja Malaysia (PDRM), **tiga kematian** telah direkodkan setakat ini yang melibatkan kematian akibat kejadian banjir iaitu **satu di Gua Musang, Kelantan pada 21 November 2025, satu di Tanah Merah, Kelantan pada 26 November 2025** dan **satu di Sepang, Selangor pada 30 November 2025**.



MAKLUMAT CUACA DAN AMARAN BANJIR

- Tiga stesen meteorologi** yang mencatatkan **jumlah hujan harian tertinggi** pada **18 Disember 2025** adalah **Rompin, Pahang (167.4 mm), Pekan, Pahang (149.0 mm)** dan **Mukah, Sarawak (121.0 mm)**.
- Luruan monsun yang sedang berlaku dijangka berterusan sehingga 19 Disember 2025. Keadaan ini berpotensi membawa hujan lebat berterusan di Semenanjung serta angin kencang dan laut bergelora di Laut China Selatan dalam tempoh tersebut.
- Sehubungan itu, Amaran Hujan Berterusan (Waspada) telah dikemas kini bagi negeri Kelantan, Terengganu, dan Pahang berkuat kuasa sehingga 19 Disember 2025. Amaran Angin Kencang dan Laut Bergelora pula berkuat kuasa sehingga 22 Disember 2025 di perairan Laut China Selatan.

- Analisis terhadap model-model ramalan cuaca juga menunjukkan penumpuan angin dijangka berlaku di Sarawak bermula pada 21 hingga 24 Disember 2025. Keadaan ini boleh menyebabkan peningkatan kelembapan yang berpotensi menghasilkan ribut petir berserta hujan lebat dan angin kencang dalam tempoh yang lebih panjang di kawasan tersebut.

Sumber : Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)

- Pada **18 Disember 2025, tiada Amaran Banjir dan Ramalan Awal Banjir** yang dikeluarkan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

Sumber : Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)



IMPAK

- Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)** melaporkan bahawa beberapa kawasan berisiko tanah runtuh di daerah yang sedang dilanda banjir dikenal pasti iaitu dua (2) di Pahang masing-masing di Kuantan dan Jerantut, tiga (3) di Terengganu masing-masing di Kemaman, Dungun dan Hulu Terengganu, satu (1) di Johor iaitu di Mersing serta satu (1) di Kelantan iaitu di Gua Musang. Kawasan berisiko merujuk kepada *hotspot* tanah runtuh dan/atau cerun kritikal.
- Bagi kejadian tanah runtuh, tiada insiden baharu dilaporkan di seluruh negara pada 18 Disember 2025. Semua daerah terlibat termasuk Pahang, Johor, Terengganu dan Kelantan dilaporkan tiada kejadian tanah runtuh. Pemantauan berterusan oleh JMG Negeri sedang dijalankan bagi memastikan situasi tanah runtuh dipantau secara rapi.
- Jumlah kumulatif tanah runtuh yang berlaku di seluruh negara sejak bermula Monsun Timur Laut (MTL) adalah sebanyak **22 kejadian**, Selangor mencatatkan bilangan kes tertinggi iaitu sebanyak 12 kejadian, diikuti oleh Perak dan Pahang yang masing-masing mencatatkan tiga (3) kejadian manakala W.P. Kuala Lumpur merekodkan dua (2) kejadian serta Negeri Sembilan dan Sabah yang masing-masing melaporkan satu (1) kejadian.
- Pelaporan JMG tidak merangkumi laluan jalan negeri, persekutuan dan lebuh raya.

Sumber : Jabatan Mineral dan Geosains (JMG)



- **Jabatan Kerja Raya (JKR)** telah merekodkan **83 lokasi kejadian bencana** yang menjejaskan infrastruktur jalan raya sehingga 18 Disember 2025, jam 10.00 malam. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 51 lokasi melibatkan Jalan Persekutuan manakala 32 lokasi menjejaskan Jalan Negeri. Kejadian ini berlaku di 10 negeri iaitu Pahang (6 daerah), Perak (4 daerah) dan Kedah (4 daerah). Seterusnya ialah Kelantan (2 daerah), Selangor (2 daerah), Terengganu (2 daerah) dan Pulau Pinang (2 daerah) manakala Perlis (1 daerah), Johor (1 daerah) serta Melaka (1 daerah).
- Jenis kejadian bencana yang paling dominan ialah banjir (45 lokasi), diikuti cerun runtuh (22 lokasi), jalan runtuh (9 lokasi), jalan mendap (6 lokasi) serta satu (1) lokasi jambatan rosak atau runtuh. JKR sedang melaksanakan pemantauan rapi dan kerja pemulihan segera.

Sumber : Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR)

- **Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)** melaporkan sebanyak **17 institusi pendidikan masih terjejas akibat banjir** di beberapa negeri. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut: Sarawak (11 sekolah rendah, 1 sekolah menengah) dan Pahang (3 sekolah rendah, 2 sekolah menengah).
- Selain itu, sebanyak 47 PPS premis sekolah masih dibuka bagi menempatkan mangsa banjir. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut: Pahang (32 sekolah rendah, 6 sekolah menengah), Terengganu (3 sekolah rendah), Johor (3 sekolah rendah) dan Kelantan (3 sekolah rendah).
- Secara keseluruhan, seramai 643 murid masih berada di PPS premis sekolah. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut: Pahang (567 murid) Terengganu (7 murid), Johor (45 murid) dan Kelantan (24 murid).

Sumber : Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

- **Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** melaporkan setakat 18 Disember 2025, jam 4.00 petang, terdapat **sembilan (9) fasiliti kesihatan baharu yang terjejas akibat banjir** di Pahang masing-masing lima (5) Klinik Desa, dua (2) Klinik Kesihatan, satu (1) Klinik Pergigian dan satu (1) Klinik Komuniti. Berdasarkan jumlah tersebut, sebanyak dua (2) fasiliti telah berpindah operasi ke fasiliti yang berhampiran, manakala tujuh (7) lagi fasiliti kesihatan beroperasi seperti biasa.

- Di lapangan, sebanyak 41 Pasukan Perubatan Kecemasan (EMT) telah digerakkan yang terdiri daripada 16 *Rapid Response Team* (RRT) Perubatan, 14 RRT Kesihatan dan 11 Pasukan *Mental Health and Psychosocial Support* (MHPSS). Pasukan ini ditempatkan di Pusat Pemindahan Sementara (PPS) bagi menyediakan perkhidmatan rawatan perubatan, pemantauan kesihatan dan pencegahan penyakit kepada mangsa banjir.

Sumber : Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)

- **Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)** melaporkan sebanyak **53 infrastruktur komunikasi terkesan akibat banjir** di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, terdapat tiga (3) yang masih belum beroperasi masing-masing dua (2) stesen pemancar di Pahang dan satu (1) stesen pemancar di Terengganu.
- SKMM bersama penyedia perkhidmatan telekomunikasi akan terus memantau tahap liputan melalui JPBD/JPBN bagi memastikan sebarang gangguan perkhidmatan atau kesesakan talian di PPS dapat ditangani dengan segera.

Sumber : Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM)

- **Tenaga Nasional Berhad (TNB)** melaporkan beberapa kawasan di Pahang telah diputuskan bekalan elektrik sebagai langkah keselamatan akibat banjir. Kawasan terjejas adalah di daerah Kuantan meliputi Lorong Seri Damai Jaya 9, Jalan Seri Damai Jaya 1/13, KIPSAS, Seri Inderapura, Inderapura, Taman Guru, Taman Guru Fasa 2 dan Taman Guru Fasa 3.
- Tiada PPS dilaporkan terjejas bekalan elektrik. TNB telah mengambil tindakan dengan memasang genset di kawasan yang selamat bagi memastikan kesinambungan bekalan tenaga kepada premis penting serta operasi respons banjir.

Sumber : Tenaga Nasional Berhad (TNB)



LAPORAN SITUASI SEMASA MTL 2025/2026 #12

AGANSI PENGURUSAN BENCANA NEGARA, JABATAN PERDANA MENTERI

<https://portalbencana.nadma.gov.my> | Hotline NDCC : 03-8064 2400

19 DISEMBER 2025

5



LANGKAH-LANGKAH KESIAPSIAGAAN OLEH AGENSI KERAJAAN

- Pada 18 Disember 2025, satu **lawatan dan tinjauan telah diadakan bagi menilai situasi semasa bencana banjir serta pengoperasian** Pusat Pemindahan Sementara (PPS) di sekitar Kuantan, Pahang. Lawatan ini diketuai oleh YAB Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP), bersama YB Puan Fadhlina binti Sidek, Menteri Pendidikan Malaysia dan YB Dato' Indera Mohd Sharar bin Abdullah, Timbalan Menteri Ekonomi.
- Lawatan ini turut disertai oleh YAB Menteri Besar Pahang, Ketua Pengarah NADMA, Setiausaha Kerajaan Pahang serta ketua-ketua dan wakil agensi berkaitan. Lawatan ini mencerminkan keprihatinan dan komitmen berterusan Kerajaan Persekutuan terhadap kebajikan mangsa banjir serta sokongan kepada petugas barisan hadapan.
- Pada malam 18 Disember 2025, YBhg. Tan Sri Shamsul Azri bin Abu Bakar, Ketua Setiausaha Negara (KSN) telah tiba di Kuantan bagi mengikuti perkembangan terkini serta meninjau sendiri situasi banjir di beberapa kawasan terjejas. Seterusnya, YBhg. Tan Sri KSN telah mengadakan lawatan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Pandan dan PPS Dewan Orang Ramai Taman Tas, Kuantan.
- **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** telah menyediakan bantuan makanan kepada mangsa banjir di PPS melibatkan bekalan makanan retort bagi tempoh 24 jam pertama di daerah Kuantan, Rompin, Pekan dan Kemaman, diikuti dengan agihan makanan pack food pada hari-hari berikutnya. Selain itu, JKJ turut menyalurkan barang keperluan asas bencana kepada mangsa di PPS bagi memastikan kebajikan mereka terjaga.
- Bagi pengurusan bekalan, stok makanan disimpan di Depoh Kuantan dan Depoh Dungun. Sebagai langkah penambahbaikan keperluan di PPS, JKJ telah menambah bilangan petugas daripada daerah-daerah lain di negeri Pahang bagi tujuan pendaftaran mangsa. Ketika ini, nisbah PPS aktif di Kuantan dengan petugas JKJ adalah 1:1, yang berada pada tahap kritikal dan memerlukan pemantauan berterusan.
- **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)** telah mengoperasikan **Pam Kecemasan Mudah Alih** ke kawasan banjir untuk membantu mengurangkan air dan mempercepatkan proses surut air. Tindakan ini adalah sebahagian daripada langkah-langkah yang diambil untuk mengendalikan banjir di negeri yang terjejas.

- Sebanyak satu (1) unit Pam Kecemasan Mudah Alih telah dipasang pada 18 Disember 2025 di Pahang. Pada masa yang sama, sebanyak **250 unit pam sedang beroperasi di negeri-negeri yang terjejas banjir, manakala 90 unit lagi berada dalam keadaan siap siaga** untuk digerakkan mengikut keperluan semasa. Selangor merekodkan jumlah tertinggi dengan 133 unit pam aktif dan 28 unit pam siap siaga, diikuti oleh Johor (62 unit aktif, 8 unit siap siaga), Pahang (18 unit aktif, 9 unit siap siaga), Kelantan (16 unit aktif, 32 unit siap siaga), Terengganu (12 unit aktif, 13 unit siap siaga), serta Sarawak dengan 9 unit pam aktif.
- **Perincian jumlah kekuatan anggota dan aset agensi tindak balas** yang ditempatkan di negeri-negeri dilanda banjir adalah seperti di **Lampiran 1**.
- **Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB)** Pusat meneruskan mesyuarat berkala bagi menyelaraskan serta memantau situasi di negeri-negeri yang terlibat secara langsung.
- **Pusat Kawalan Bencana Negara (NDCC)** yang beroperasi 24 jam setiap hari akan sentiasa memantau situasi cuaca. Amaran bencana akan disalurkan kepada Agensi Tindak Balas dan Pegawai Daerah dari semasa ke semasa.
- Untuk maklumat lanjut, sila layari: <https://portalbencana.nadma.gov.my> dan <https://www.nadma.gov.my>.



MAKLUMAT PERGERAKAN PERTUBUHAN BUKAN KERAJAAN (NGO)

- Sejak bermulanya Monsun Timur Laut (MTL) pada 13 November 2025, sebanyak **554 pelaporan** misi bantuan daripada Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang berdaftar di bawah Rakan NADMA telah direkodkan di **10 negeri**.
- NGO terbabit melaksanakan pelbagai bentuk bantuan termasuk **pengagihan makanan dan minuman, kit kebersihan, khidmat pembersihan, khidmat kaunseling, keperluan tidur, bantuan mencari dan menyelamatkan, sokongan logistik, pasukan perubatan, pengurusan komunikasi** serta lain-lain bentuk bantuan kemanusiaan bagi membantu mangsa banjir di negeri-negeri terjejas.
- Secara keseluruhan, **25,395 sukarelawan** daripada **39 pertubuhan** telah melaksanakan pengoperasian dan pengagihan bantuan tersebut.



JUMLAH KEKUATAN ANGGOTA DAN ASET AGENSI TINDAK BALAS

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
1.	PAHANG	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	168	4x4/SUV/VAN: 4, BOT: 9, LORI/FRT/LFRT: 4
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	167	4x4/SUV/VAN: 6, BOT: 4, LORI/FRT/LFRT: 14
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	579	4x4/SUV/VAN: 39, BOT: 25, LORI/FRT/LFRT: 30
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	82	4x4/SUV/VAN: 7, AMBULANS/EMRS: 1, BOT: 3, LORI/FRT/LFRT: 13
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	159	-
2.	TERENGGANU	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	39	4x4/SUV/VAN: 1, LORI/FRT/LFRT: 4
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	49	4x4/SUV/VAN: 3, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 3
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	22	4x4/SUV/VAN: 10, BOT: 2
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	52	4x4/SUV/VAN: 3, AMBULANS/EMRS: 1, BOT: 2, LORI/FRT/LFRT: 6
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	26	-
3.	JOHOR	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	15	4x4/SUV/VAN: 1, AMBULANS/EMRS: 1, LORI/FRT/LFRT: 1
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	21	4x4/SUV/VAN: 1, LORI/FRT/LFRT: 5
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	83	4x4/SUV/VAN: 4, BOT: 5, LORI/FRT/LFRT: 1
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	15	4x4/SUV/VAN: 1, LORI/FRT/LFRT: 3
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	6	-



JUMLAH KEKUATAN ANGGOTA DAN ASET AGENSI TINDAK BALAS

BIL.	NEGERI	AGENSI	ANGGOTA	ASET
4.	KELANTAN	ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)	21	4x4/SUV/VAN: 4, BOT: 1
		ANGKATAN TENTERA MALAYSIA (ATM)	5	4x4/SUV/VAN: 1
		POLIS DIRAJA MALAYSIA (PDRM)	12	-
		JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA (JBPM)	7	4x4/SUV/VAN: 1, LORI/FRT/LFRT: 2
		JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)	4	-
JUMLAH			1,532	• 4X4/SUV/VAN: 86 • AMBULANS/EMRS: 3 • BOT: 53 • LORI/ FRT/LFRT: 86 • MOTOKAR: - • LAIN-LAIN: -

* Data sehingga 18 Disember 2025 jam 11.59 malam. Untuk daerah-daerah yang terlibat dengan banjir sahaja.